

22/07/1997

Ke arah membentuk masyarakat sifar dadah

Fazli Abdullah

KIRA-KIRA 150 tahun lalu, Inggeris menggunakan candu untuk mengalahkan China dalam Perang Candu manakala pertengahan 1970-an, tentera Amerika terpaksa diundurkan dari Vietnam selepas disogokkan dadah dalam Perang Vietnam.

Sejarah itu membuktikan kekuatan Dinasti Qing (1644-1911) dan kuasa ketenteraan gergasi dunia tidak mampu mempertahankan diri apabila tentera terjebak dalam penagihan dadah.

Sebagai negara dan bangsa yang celik sejarah, Malaysia melancarkan perang terhadap dadah pada 1983 dengan mengisytiharkan sebagai musuh utama negara selepas ia mula memabukkan segelintir rakyat pada awal 1970-an.

Perisytiharan dilakukan pucuk pimpinan negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Februari 1983 di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Bagaimanapun, selepas pelancaran kempen itu, bilangan rakyat yang terjebak dalam penyalahgunaan dadah semakin meningkat.

Daripada 711 penagih dikesan pada 1970, ia meningkat secara mendadak kepada 128,741 (1987), pertengahan 1992 melonjak kepada 165,243 orang dan sehingga Mac lalu 131,539 penagih aktif didaftarkan manakala pertambahan penagih baru adalah 38 orang sehari.

Bagaimanapun, jika mengambil kira penagih berulang, bilangan penagih di negara ini mungkin melebihi 200,000 orang dengan 80 peratus daripadanya orang Melayu. Dari segi rampasan dadah, sejak 1985 hingga Mac lalu, 2,372.91 kilogram heroin dirampas, ganja (13,937.81 kg), candu mentah (3,344 kg), candu masak (127.47 kg), morfin (8.82 kg) dan pil psikoterapik (2,810,576 biji). Dalam Ops Wawasan yang dijalankan selama tiga bulan, mulai April lalu, 15 pengedar dadah ditahan dengan rampasan 10.72 kg candu mentah, heroin (0.98 kg) dan ganja (505.40 kg) yang bernilai RM824,352.

Lebih mengejutkan pada April lalu, Jabatan Narkotik Bukit Aman merampas 64 kilogram ganja bernilai RM500,000 yang disorok di atas siling sebuah kelas di Sekolah Menengah Seri Pantai di Kerinchi, Kuala Lumpur. Perangkaan rampasan itu memberi gambaran bahawa bekalan dadah 'mudah' diperolehi.

Perangkaan itu juga membuktikan negara kita masih menjadi sasaran dan transit oleh pembekal dadah dari 'Golden Triangle' sebelum diedar ke negara lain. Selain itu, sejak 1980 hingga Jun lalu, 220 pengedar dadah digantung mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, tetapi hukuman mati belum dapat menakutkan pengedar.

Walaupun pembabitan rakyat dalam penyalahgunaan dadah masih kecil iaitu kira-kira 0.6 peratus daripada 21.5 juta penduduk dan belum mencapai tahap membimbangkan tetapi jika rakyat China dan tentera Amerika tunduk selepas disogokkan dadah, bangsa kita juga tidak terkecuali untuk mengulangi sejarah silam jika gejala itu terus menular umpama 'api dalam sekam'.

Jika generasi baru tidak diingatkan dengan sejarah itu, usaha kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi negara dan membangunkan jati diri untuk mencapai Wawasan 2020, tidak kesampaian. Individu yang terjebak dalam penagihan dadah, bukan saja merosakkan dirinya tetapi memusnahkan segala-galanya.

Pengakuan Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) Kementerian Dalam Negeri, Datuk Yaacob Md Amin, kempen antidadah yang dilancarkan ketika pengisytiharan dadah sebagai musuh utama negara kurang berkesan, harus diterima kerajaan untuk lebih proaktif memeranginya.

Kempen itu tidak berkesan disebabkan program yang dilaksanakan tidak

sampai kepada kumpulan sasar. Kempen antidadah bukan saja diadakan sekali setahun sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri atau daerah tetapi tiada program susulan, sekali gus kurang berkesan.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan kempen itu diadakan hanya untuk memenuhi jadual aktiviti tahunan tanpa mengambil kira kesannya, sekali gus menyaksikan 'bangkai bernyawa' bertambah saban hari.

Ibu bapa, masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta perlu mencari pendekatan baru untuk menyemai rasa benci dan jijik di kalangan generasi baru ke atas najis dadah. Bagaimanapun, sebelum mereka bertindak, khususnya ibu bapa perlu mengetahui perihal dadah terlebih dulu, sekurang-kurangnya jenis dan kesan buruk akibat pengambilannya.

Kini, tidak ramai ibu bapa di luar bandar, khususnya di kawasan tanah rancangan Felda mempunyai pengetahuan mengenai najis dadah, khususnya kesan buruk akibat penyalahgunaan dadah. Akibatnya, mereka kurang peka apabila kerajaan dan media massa menimbulkan fenomena penagihan dadah semakin meruncing.

Oleh itu, ADK, jabatan dan agensi kerajaan serta NGO perlu menjadikan ibu bapa sebagai kumpulan sasar mereka dalam aktiviti atau kempen antidadah yang dianjurkan selain daripada remaja.

Sektor swasta pula, khususnya syarikat rokok yang selama ini berdiam diri dalam aktiviti kempen antidadah walaupun menyedari kehadiran mereka akan meningkatkan keberkesanan program dijalankan, perlu tampil membantu kerajaan.

Mereka tidak boleh bersikap lepas tangan kerana kajian ke atas 4,541 penagih di pusat serenti pada 1995 menunjukkan 92.4 peratus daripada mereka menagih selepas menghisap rokok. Sehubungan itu, fungsi pihak swasta tidak boleh diperkecilkan dalam usaha menyedarkan masyarakat terhadap kesan pengambilan dadah.

Bukan saja kempen antidadah kurang berkesan, rawatan dan pemulihan juga tidak menampakkan kejayaan yang boleh dibanggakan walaupun kerajaan berbelanja lebih RM550 juta sejak lebih 10 tahun lalu untuk memulihkan penagih dadah.

Usaha kerajaan melalui program rawatan dan pemulihan 'ala penjara' di 28 pusat serenti kurang berkesan. Buktinya jelas, sejak 1980-an hingga tahun lalu, daripada 88,664 penagih menerima rawatan, kira-kira 65 peratus daripada mereka menagih semula selepas keluar dari pusat itu.

Meskipun kira-kira 35 peratus penagih dipulihkan, kerajaan tidak putus asa dan usaha memulihkan golongan itu diteruskan walaupun menyedari hasilnya tidak seberapa, malah merancang membina empat lagi pusat serenti membabitkan perbelanjaan kira-kira RM40 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Komitmen kerajaan tidak pernah luntur kerana mahu memastikan golongan itu terbela dan menjadi insan yang berguna walaupun mereka tersilap memilih haluan hidup.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah mengakui hakikat kejayaan terhad dalam proses pemulihan itu manakala bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub juga menerima hakikat kegagalan itu.

Anwar pernah berkata, jika tidak ada masalah dadah, wang itu sepatutnya digunakan untuk tujuan pembangunan, pendidikan dan kemudahan infrastruktur.

"Dengan wang itu kita boleh membina sebuah universiti, berpuluh-puluh sekolah menengah dan masjid, boleh membiayai biasiswa ribuan anak miskin untuk melanjutkan pelajaran serta mampu mengatasi kemiskinan ratusan kampung di seluruh negara.

"Tetapi hakikatnya, kita terpaksa membazir wang itu di pusat pemulihan dadah kerana mahu membantu anak-anak muda yang terjebak dengan penyakit dadah ini," katanya.

Yaacob selaku orang penting dalam ADK yang ditubuhkan untuk mengekang dan seterusnya membasmi dadah, mengaku program pemulihan belum berjaya dan Timbalan Presiden Pemadam Kebangsaan, Datuk Idris Ibrahim, sependapat dengannya.

Bagi merealisasikan matlamat mewujudkan rakyat bebas daripada cengkaman dadah, Yaacob, bekas Ketua Polis Selangor berpangkat Komisioner yang dilantik menerajui agensi itu sejak ditubuhkan 7 Februari 1996, menjelaskan pihaknya berusaha `membetulkan keadaan' daripada 65 peratus pelatih menagih semula kepada sekurang-kurangnya 65 peratus meninggalkannya selepas menjalani pemulihan di pusat serenti.

"Kami memang tidak puas hati kerana kira-kira 65 peratus pelatih dikesan kembali menagih. Bagi memastikan kejayaan, kadar penagih berulang mesti kurang daripada 50 peratus, itu baru menampakkan kejayaan," tegasnya.

Satu daripada usaha meningkatkan keberkesanan program pemulihan, kerajaan sedang membuat kajian menggunakan pendekatan perubatan dalam program pemulihan penagih dadah melalui penggunaan pil Naltroxone.

ADK dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Perubatan Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang dipertanggungjawabkan menguji kesesuaian pil membabitkan 4,000 pelatih pusat serenti dengan peruntukan kira-kira RM3 juta.

Naltroxone membantu proses pemulihan kerana penagih yang menggunakannya tidak akan merasa apa-apa selepas mengambil dadah, sekali gus membenci najis itu. Jika berjaya, ibu bapa tidak lagi bersusah payah menghantar anak mereka ke pusat serenti, sebaliknya merawat sendiri melalui nasihat pakar perubatan.

"Jika ia benar-benar berkesan, kita akan memperluaskan penggunaan pil itu dan akan menasihatkan ibu bapa yang malu menghantar anaknya ke pusat serenti supaya menggunakan pil itu bagi merawat anak mereka.

"Mereka boleh menyimpan anak mereka di rumah, mereka boleh merawat mereka dan mereka boleh membeli pil ini. Cara sebegini kita akan cuba laksanakan," kata Megat Junid.

Penggunaan pil Naltroxone dilihat sebagai usaha awal kerajaan untuk berkongsi tanggungjawab dengan keluarga, NGO dan pihak swasta dalam program pemulihan penagih dadah.

Sebelum ini, hanya kerajaan memikul beban untuk memulihkan penagih dadah tetapi kini sampai masanya semua pihak berganding bahu merawat dan memulihkan penagih dadah manakala kerajaan membantu melalui pemberian subsidi.

Usaha kerajaan memulihkan penagih ternyata terhad kerana pelbagai masalah, termasuk kekurangan pusat serenti, kaunselor, kakitangan serta perbelanjaan.

Tanggungjawab itu wajar dipikul bersama dan setakat ini sekurang-kurangnya 24 NGO menyediakan perkhidmatan pemulihan penagih dadah tetapi pembabitan sektor swasta sukar diperkatakan. Sepatutnya, swasta berfungsi lebih aktif dalam program rawatan dan pemulihan, sekali gus menunaikan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat. Meskipun dasar Majlis Dadah Kebangsaan masih menjadikan pusat serenti institusi pemulihan, kemungkinan menyerahkan tanggungjawab itu kepada NGO wajar diberi perhatian.

Yaacob mengakui program rawatan pemulihan tidak semestinya dibebankan kepada kerajaan sebaliknya boleh dilakukan oleh keluarga penagih, NGO dan swasta.

Keluarga penagih boleh berfungsi memulihkan ahli keluarga mereka kerana kini kebanyakan hospital kerajaan, 41 klinik swasta serta enam pakar psikiatri menawarkan perkhidmatan rawatan pemulihan menggunakan kaedah perubatan.

"Apa yang penting, mesti ada keluarga dan NGO untuk berfungsi lebih aktif dalam program pemulihan, sekali gus membolehkan penagih menerima

rawatan lebih sempurna berbanding di 28 pusat serenti yang kini mempunyai 9,950 pelatih," katanya.

Oleh itu, dalam usaha memerangi dan membebaskan rakyat daripada cengkaman dadah, kita tidak boleh membiarkan mereka lupa dengan sejarah silam, sebaliknya mengambilnya untuk dijadikan iktibar. Semoga dengan usaha semua pihak, kita dapat mencapai sasaran sifar dadah.

(END)